

MEI  
2020

Aspirasi  
Kemiskinan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pkn.gov.my](http://www.pkn.gov.my)



## Sekalung Tahniah

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

di atas pelanjutan khidmat sebagai  
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang  
sehingga Dewan Undangan Negeri Pahang Keempat Belas dibubarkan

*Ahla's daripada*

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Ahli Perbadanan, Pengurusan  
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP

## MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP PADA 18 MEI 2020



YAB. Menteri Besar Pahang sedang mempengerusikan mesyuarat

Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP yang dipengerusikan YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah berlangsung di Bilik Lembaga PKNP pada 18 Mei 2020.

Mesyuarat ini membincangkan tentang keperluan semakan bajet PKNP kesan daripada pandemik Covid -19 yang melanda seluruh dunia.

Beberapa langkah penjimatan dan pengurusan kewangan yang cekap dicadangkan untuk dibincangkan sebelum ianya dilaksanakan bagi menghadapi suasana ekonomi yang mencabar pada tahun ini.

Sebagai langkah keselamatan, mesyuarat ini turut mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang ditetapkan.

Selain itu, penggunaan teknologi atas talian dimanfaatkan bagi membolehkan Ahli Perbadanan PKNP di peringkat Persekutuan turut serta dalam mesyuarat ini menggunakan aplikasi Webex.

## WARGA PKNP MENGAMBIL LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19

Lensa kamera kami merakamkan warga kerja PKNP hadir ke pejabat dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Pengurusan PKNP dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Warga Kerja PKNP dilihat memakai penutup mulut, menggunakan pensanitasi tangan dan mengamalkan penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain. Suhu badan juga diambil bagi memastikan kakitangan yang benar-benar sihat dibenarkan memasuki pejabat.



Antara yang sempat dirakamkan



## PERUTUSAN RAYA Pengerusi PKNP

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Saya sebagai Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga kerja Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

Saya ingin mengingatkan semua supaya menjaga diri semasa musim perayaan Aidilfitri dengan mengamalkan langkah-langkah sewajarnya bagi membendung penularan wabak covid-19.

Jaga diri dan jaga keluarga anda.

Stay At Home & Maju Terus Pahang

Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1441H

Dato Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail  
YAB. Menteri Besar Pahang



## SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

Assalamualaikum W.B.T dan Selamat Sejahtera

Saya mewakili Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga kerja Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada tuan-tuan & puan-puan.

Saya ingin mengingatkan diri saya dan juga anda semua supaya sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa dengan mengadakan sambutan secara tertutup di rumah masing-masing.

Aktiviti kunjung mengunjung juga boleh ditangguhkan jika tidak perlu kerana keselamatan dan kesihatan anggota keluarga kita adalah sangat penting. Kita perlu membiasakan diri kita dengan normal baharu ini.

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Mohd Faizal bin Jaafar  
Ketua Pegawai Eksekutif PKNP



## MENDEPANI NORMA BEKERJA BAHARU



Aplikasi atas talian sebagai alternatif baharu

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, warga kerja PKNP mengambil inisiatif dengan menggunakan teknologi terkini bagi mengekalkan momentum bekerja selaras dengan pematuhan yang telah disarankan oleh kerajaan.

Penggunaan aplikasi Webex dimanfaatkan sebaiknya bagi memastikan warga kerja PKNP terus produktif sepanjang tempoh PKP.

## PKNP EDAR KUIH RAYA KEPADA PENGHUNI KOMPLEKS & MENARA TERUNTUM

Program Jalinan Ukhwah PKNP sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dijalankan secara bersederhana dengan pemberian kuih raya tradisional kepada penyewa Kompleks Teruntum & Menara Teruntum.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar meluangkan masa mengedarkan kuih raya sambil beramah mesra dengan para penyewa.



Antara penyewa yang sempat dikunjungi

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Pengurus Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta serta Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan.

Diharapkan melalui program ini hubungan yang terjalin erat antara PKNP dan para penyewa terus kekal baik dan harmoni.